

Jual hartanah tidak menguntungkan: PM

Putrajaya: Tindakan Lembaga Tabung Haji (TH) memindah milik operasi empat hotel miliknya kepada pihak ketiga disebabkan ia tidak mendatangkan hasil, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, justeru, pengurusan TH perlu mencari cara lain untuk melaburkan wangnya bagi mendapat keuntungan.

“Setengah hartanah itu tidak berguna, tidak mendatangkan hasil.

“Ada cara lain untuk melaburkan wang bagi mendapatkan keuntungan,” katanya pada sidang media se-

“Setengah hartanah itu tidak berguna, tidak mendatangkan hasil. Ada cara lain untuk melaburkan wang bagi mendapatkan keuntungan.”

Dr Mahathir Mohamad
Perdana Menteri

BH - 19/2/2020 m/s: 9

lepas melancarkan Bulan Antidadah Kebangsaan 2020, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan TH menjual empat hotelnya baru-baru ini.

TH dan Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) dalam satu kenyataan bersama memaklumkan TH tidak menutup empat hotel miliknya dan tidak melaksanakan pemberhentian pekerja, sebaliknya rangkaian hotel itu akan beroperasi di bawah pengurusan UJ, iaitu syarikat milik penuh Kementerian Kewangan.



TH Hotel Kota Kinabalu di Jalan Sembulan, Kota Kinabalu antara empat aset TH yang dipindahkan kepada pengurusan baharu.
(Foto Malai Rosmah Tuah/BH)